



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**JUMAAT 19 APRIL 2024**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	PM UCAP TAKZIAH PADA KELUARGA JOSEPH KURUP, LOKAL, HM -16 JOSEPH KURUP BANYAK MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN KOMUNITI, DALAM NEGERI, UM -3 PM SIFATKAN JASA JOSEPH DIKENANG RAKYAT, NEGARA, NASIONAL, BH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5.	MADA SEDIA 1.5 JUTA BEG BENIH PADI, DALAM NEGERI, UM -29 MADA SAMBUT BAIK CADANGAN WUJUD HUB TANAMAN PADI HUMA, NASIONAL, SH -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6. 7. 8. 9.	LPP MOHON TAMBAH KUOTA BERAS PUTIH TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -29 LPP MOHON TAMBAH KUOTA BERAS PUTIH, NASIONAL, SH -10 LPP MOHON TAMBAH KUOTA BERAS PUTIH TEMPATAN, NEGARA, KOSMO -6 LPP SEDIA TAMBAH LAGI KUOTA BERAS PUTIH TEMPATAN, NASIONAL, BH -17	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
10. 11.	TANAH 40 HEKTAR DI LAMBOR, PROJEK BAHARU TANAMAN BAWANG, SH -ONLINE LEBIH BANYAK KAJIAN DIPERLUKAN KAWAL ANCAMAN PADI ANGIN, KOMENTAR, BH -11	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	PESARA TUAI 2kg PADI HUMA DITANAM TEPI RUMAH, NASIONAL, SH -10 SABAH TO REVIVE PADI, RICE BOARD TO BOOST FOOD SECURITY, NATIONAL, THE SUN -4 THE ART OF TAGAL, LIVING TRADITIONAL, THE STAR -7 LEMBAGA PADI DAN BERAS SABAH DIHIDUPKAN SEMULA, NASIONAL, BH -20 NAK PROMOSI UBI KAYU ATAU PADI HUMA, BUATLAH SAMPAI BERJAYA, CETUSAN, SH -16 PROGRAM KEUSAHAWANAN LONJAK BISNES TERNAKAN UNGGAS, NEGARA, KOSMO -7 ANGGUR HIDUP SUBUR DALAM CUACA PANAS, DALAM NEGERI, UM -34 CUACA PANAS: KOS PENGURUSAN RIMBA RAZIA MENINGKAT, DALAM NEGERI, UM -34 PESERTA OKU PEKAK TANAM ROSEL TINGKAT PENDAPATAN, DALAM NEGERI, UM -34	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	16

# PM ucap takziah pada keluarga Joseph Kurup

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengucapkan takziah kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup serta keluarga atas kematian bapanya, Tan Sri Joseph Kurup (*gambar*), semalam.

Menerusi hantaran di laman Facebook, Anwar berkata, jasa dan pengorbanan mendiang sewaktu menjadi menteri di peringkat Persekutuan serta negeri pastinya akan dikenang oleh rakyat dan negara.

Joseph yang juga Pengasas Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah, meninggal dunia di Institut Jantung Negara, di sini, kelmarin, pada usia 79 tahun.

Bekas Ahli Parlimen



Pensiangan itu pernah menjawat beberapa jawatan penting antaranya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Perpaduan dan Integrasi Nasional) dan bersara daripada politik tahun lalu selepas menjawat jawatan Presiden PBRS sejak penubuhan parti itu pada 1994.

Arthur menggantikan bapanya itu sebagai Presiden PBRS pada Januari 2023. -Bernama



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

# Joseph Kurup banyak menyumbang kepada pembangunan komuniti

**KOTA KINABALU:** Sabah kehilangan seorang pemimpin yang berpengalaman dan luar biasa dengan pemergian bekas Ahli Parlimen Pensiangan, Tan Sri Joseph Kurup, semalam.

Ketua Menteri, Datuk Seri Haji Noor berkata, mendiang mempunyai corak kepemimpinan luar biasa dan banyak menyumbang kepada pembangunan komuniti, negeri dan Malaysia.

“Legasi Tan Sri Joseph Kurup adalah satu dedikasi dan perkhidmatan, ia satu kehilangan yang besar kepada kita,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kurup meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN) Kuala

Lumpur semalam.

Kurup, 79, menubuhkan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) pada 1994 selepas meninggalkan Parti Bersatu Sabah (PBS) setelah kerajaan negeri pimpinan Tan Sri Joseph Pairin Kitingan tumbang ketika itu.

Jenazah mendiang Joseph sepatutnya dibawa pulang menaiki penerbangan ke Sabah pada pukul 9.15 pagi ini namun, penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu terpaksa dibatalkan susulan letusan Gunung Berapi di Sulawesi, Indonesia.

Jenazah mendiang akan dibawa ke Fook Lu Siew Funeral Parlour bagi penghormatan terakhir.

Khidmat dan jasa mendiang Tan Sri Joseph Kurup dalam membangunkan masyarakat, negeri serta negara akan sentiasa dikenang.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedict berkata, parti yang diterajuiinya, Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) mempunyai sejarah hubungan rapat dengan PBRS diasaskan Kurup kerana kedua-duanya adalah komponen Barisan Nasional (BN) suatu ketika dahulu.

“Dalam kepemimpinan, mendiang Tan Sri Kurup telah memberikan yang terbaik kepada

rakyat dan negara kita.

“Saya telah menghubungi saudara Arthur menyampaikan salam takziah saya dan parti UPKO atas pemergian ayahanda tercinta Tan Sri Joseph Kurup. Saya doakan agar saudara Arthur dan keluarga diberi kekuatan,” katanya menerusi laman media sosial Facebook semalam.

Ewon berkata, beliau dan pimpinan UPKO akan berkunjung untuk memberi penghormatan terakhir kepada mendiang.

PBRS yang diasaskan oleh mendiang Joseph kini diterajui anaknya, Datuk Arthur yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

# PM sifatkan jasa Joseph dikenang rakyat, negara

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyifatkan jasa dan pengorbanan Tan Sri Joseph Kurup sepanjang menjadi menteri pada peringkat Persekutuan dan negara, akan dikenang rakyat serta

Perdana Menteri turut menzahirkan ucapan takziah buat keluarga mendiang, termasuk kepada anak pengasas Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) itu, Datuk Arthur Joseph Kurup.

"Kepada Datuk Arthur Joseph Kurup dan keluarga, moga tabah dan kuat menerima khabar duka pemergian Tan Sri Joseph Kurup hari ini (semalam)," katanya.

Bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah itu meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur semalam pada usia 79 tahun.

Mendiang yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada Januari tahun lalu selepas memegang jawatan Presidennya, Datuk Peter An-

Sementara itu, di Kota Kinabalu, Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM) menyifatkan pemergian Joseph sebagai kehilangan besar buat Sabah.

Presidennya, Datuk Peter An-

thony berkata, mendiang bukan sahaja sangat berdedikasi dalam menjalankan tugasnya sebagai menteri pada peringkat Persekutuan, malah konsisten dengan perjuangannya membantu rakyat di negeri ini khususnya pedalaman.

Katanya, Joseph juga antara pemimpin suku kaum Kadazan, Dusun dan Murut (KDM) yang banyak berjasa kepada bangsanya.

"Pemergian beliau sangat me-

ribadi saya menyanjung beliau, banyak jasanya bukan sahaja kepada rakyat di negeri ini, tetapi juga seluruh negara.

"Takziah kepada seluruh keluarga mendiang termasuk sahabat saya, Arthur Joseph, semoga tabah menghadapi waktu sukar ini," katanya dalam kenyataan.

Bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman pula menyifatkan Joseph sebagai rakan sekutu politik yang setia dalam komponen Barisan Nasional

(BN) ketika menerajui PBRS. "Ketika menjadi Ketua Menteri Sabah, saya berpeluang bekerja bersama mendiang dan beliau adalah sekutu tanpa berbelah bahagi kepada BN.

"Sebagai Pengasas PBRS, Joseph menjadi tulang belakang parti itu dan presiden sejak penubuhannya sehingga beliau bersara awal tahun lalu dan menyerahkan kepimpinan kepada anaknya, Datuk Arthur Kurup.

"Beliau bukan sahaja rakan politik, tetapi juga rakan setia yang terbuka kepada perbincangan dan menjunjung semangat kerjasama dan saling menghormati BN," katanya.



Joseph Kurup



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

# MADA sedia 1.5 juta beg benih padi

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
utusannews@mediamula.com.my

**ALOR SETAR:** Sebanyak 1.5 juta beg benih padi dikeluarkan Lembaga Pembangunan Pertanian Muda (MADA) untuk dibekalkan kepada empat pengilang bagi kegunaan pesawah memulakan musim tanaman baharu.

Memurut Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh, keperluan penggunaan di kawasan MADA hanya berjumlah kira-kira 771,000 beg untuk melaksanakan tiga fasa penanaman yang bermula semalam.

Beliau berkata, masalah kekurangan benih padi diyakini tidak akan berlaku pada musim

ini kerana terdapat lebihan kira-kira 600,000 beg dengan penghantaran bekalan ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sudah dimulakan.

"Musim lepas kita ada isu benih padi apabila kerajaan menetapkan harga RM40 setiap beg di pintu kilang dan harga runcit RM45 yang menyebabkan kebanyakan kilang enggan menjual pada harga itu kerana mereka beli padi untuk dijadikan benih pun pada harga lebih tinggi.

"Ketika itu, pengilang swasta kata tidak untung jika jual benih padi pada harga RM40. Namun, MADA Corp yang menjadi antara pembekal benih padi masih dapat meraih keuntungan apabila



**Musim lepas kita ada isu benih padi apabila kerajaan menetapkan harga RM40 setiap beg di pintu kilang..."**

DR. ISMAIL SALLEH

menjual pada harga ditetapkan kerajaan," katanya ketika ditemui pada Rumah Terbuka Aidilfitri MADA di sini, semalam.

Sementara itu, Dr. Ismail berkata, peningkatan harga bagi setiap beg 20 kilogram (kg) benih padi yang kini dijual antara RM54 hingga RM58 perlu dilakukan kerana mengikut harga belian semasa padi yang berharga RM1,850 per metrik tan.

Katanya, petani juga seharusnya memahami bahawa kenaikan antara RM9 hingga RM13 harga runcit benih padi tidak dapat dielak apabila berlaku kenaikan harga belian padi yang diumumkan kerajaan sebelum ini.

"Jadi, kita rasa tidak ada masalah bagi semua pesawah memulakan musim tanaman tahun ini kerana benih padi

ada lebihan. Semalam saya ada melawat kilang pembekal dan mereka sudah mulakan penghantaran benih ke PPK yang buat tempahan.

"Mungkin ada petani bersuara mengenai kenaikan harga benih padi, tetapi kita harus sedar harganya bergantung kepada kos belian padi dan petani mampu meraih keuntungan apabila menjual hasil padi mereka di kilang," katanya.

Dalam pada itu, MADA menyambut baik langkah kerajaan negeri yang berhasrat menjadikan kawasan sawah di Sik sebagai hab pengeluaran padi huma yang mampu meningkatkan pengeluaran beras negara.

## LPP mohon tambah kuota beras putih tempatan

**IPOH:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan memohon tambahan kuota beras putih tempatan (BPT) jika bekalan sedia ada yang diperuntukkan tidak mencukupi bagi menampung keperluan pengguna.

Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim berkata, ketika ini LPP menerima kuota 2,500 metrik tan BPT setiap bulan hingga hujung tahun ini.

"Langkah yang dibuat kerajaan ini (menambah kuota) merupakan satu tindakan yang baik. Alhamdulillah, beras yang kita pasarkan mendapat sambutan baik daripada rakyat.

"Sekiranya 2,500 metrik tan beras ini tidak cukup, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras tidak mempunyai masalah untuk menambah lagi kuota kerana perbincangan selalu dijalankan di peringkat kementerian," katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Peladang Outlet Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Negeri, di sini

semalam.

Mengulas lanjut beliau berkata, kesemua beras itu dipasarkan kepada pengguna di semua Peladang Outlet (PO), kedai-kedai peladang dan Peladang Premium Outlet (PPO) di seluruh negara.

"Beras ini dijual di bawah harga lantai iaitu RM26. Jadi, orang ramai boleh mendapatkan beras berkenaan di mana-mana outlet kita di seluruh negara," katanya.

Sementara itu dalam perkembangan sama, Azulita berkata, pembukaan PPO yang pertama di Perak membolehkan jualan produk-produk berkualiti usahawan PPN.

Katanya, selain di Perak, PPO turut terdapat di Putrajaya, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

"Setakat ini, kita ada 162 PO di seluruh negara di mana yang aktif ada 103 buah. Di Perak, ini adalah salah sebuah PO di peringkat premium yang memasarkan produk berkualiti. Kita harap ia dapat diperluaskan di negeri lain," katanya.



# LPP mohon tambah kuota beras putih

Permintaan memorandum be-  
saran yang dalam keajaiban  
rayat.  
"Sebagai satu langkah  
intervensi Kementerian Pertanian  
telah melantik LPP bersama  
dengan ANMA (Lembaga Pe-  
nelaksanaan Persempunanan  
untuk memajukan beras putih  
tempatan. Kita tahu yang agak  
sukar untuk diperolehi di pasaran  
buat masa ini.  
"Jadi peribincangan telah di-  
buat dengan LPP dan ANMA  
tidak cukup, pihak kami selia  
sistemnya. Tidak mempunyai  
masalah untuk meningkatkan  
atau menambah lagi kuota untuk  
LPP sebab perancangan selia  
ANMA di peringkat tertinggi.  
"LPP memohon kuota sebanyak  
2,500 metrik tan sabitan oleh  
Kerajaan untuk mengedarkan  
kepada petani, penumbuhan  
kuota itu bergantung kepada



Hadir sama, Pengerusi  
Pertubuhan Peladang Negeri  
Perak, Datuk Sham Ma Sahat,  
Sementara itu, Asulfat ber-  
kata, semua kuota BPT yang  
diperolehi itu akan dipasarkan ke  
seluruh negara pada harga RM26  
Sambil dan Pulau Pinang.

bagi 10 kilogram untuk me-  
mudahkan orang ramai men-  
dapatkannya.  
"Kita telah pun mula me-  
masarkan (BPT) di Peladang  
Outlet kita, di kedai-kedai pe-  
linding dan juga insya-ALLAH  
Kita juga akan memasarkan di  
Peladang Outlet di  
Perak di bawah PPN, Park  
"Kelebihan LPP ini  
Peladang Outlet boleh  
diperolehi di merata tempat ber-  
hampiran dengan Pertubuhan  
Peladang dan juga terdapat di  
Peladang Outlet bandar-jajir, "kate-  
nya.  
Sementara itu, mengenai  
Acuilta berkata, pembiasaan pe-  
langgan di Perak merupakan jui-  
sasaran Pertubuhan Peladang  
Kataanya, selain di Perak,  
Peladang Premium Outlet ter-  
dapat di Putrajaya, Negeri  
Sembilan dan Pulau Pinang.

Anda mendandangi gajik perasman smpena Majlis Perasmian  
Peladang Outlet Pertubuhan Peladang Negeri Perak di Taman Ande  
pada Khamis.  
"Untuk memulakan ini saya tanam 40  
pupung padi, namun hanya 35 pupung  
menjadi kerana disarung sarung pa-  
rosak.  
"Hasil padi ini saya akan jadikan ba-  
han untuk menanam lebih banyak lagi sumber-  
makanan itu untuk musim kedua yang  
dijangka dimulakan pada Mei depan."  
Kata Alia, mereka yang mempunyai  
kawasan tanah yang sesuai boleh meng-  
usahakan tanaman padi bagi mengatasi  
masalah bekalan beras yang semakin  
menurung sejak akhir-akhir ini.  
Tanaman padi masak dua usah dan  
sebab padi bukt ini tahan usak. Saya  
bisa meroka yang ada masa dan tanah  
boleh usahakan tanaman ini," katanya.

Alia menajikikan hasil tanaman padi  
yang berijya dituai pada 4 April lalu.

## MADA sambut baik cadangan wujud hub tanaman padi huma

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan  
Pertanian Mada (MADA) menyambut  
baik cadangan hub tanaman padi huma  
diwujudkan di daerah Sik di Kedah se-  
bagai alternatif meranbah bekalan be-  
ras putih tempatan (BPT).  
"Gajik perasmian (Gajik) telah  
berkasat Kuching itu dibesangi  
memandangkan ia akan menjadi pe-  
lengkap kepada keseluruhan industri  
padi.  
"Saya yakin sekiranya industri padi  
huma dipertingkatkan dengan varieti  
kepada petani, maka akan memberi  
kesan yang signifikan kepada  
kehidupan petani dan masyarakat  
di kawasan itu."  
"MADA akan bekerjasama dengan  
petani-petani di kawasan itu untuk  
meningkatkan hasil tanaman padi  
huma. Kami akan menyediakan  
pupung padi yang berkualiti tinggi  
kepada petani-petani di kawasan itu."  
"MADA akan bekerjasama dengan  
petani-petani di kawasan itu untuk  
meningkatkan hasil tanaman padi  
huma. Kami akan menyediakan  
pupung padi yang berkualiti tinggi  
kepada petani-petani di kawasan itu."

## Pesara tuai 2kg padi huma ditanam tepi rumah

MARANG - Seorang pesara kerman-  
gan mampu leserung selepas bertam-  
tanaman padi huma atau padi darat yang  
diusahakan di tepi rumahnya sejak han-  
du lima bulan lalu. Berijya dituai pada  
Famadan baru-baru ini.  
"Saya telah tanam dua  
varieti, Sialiti, 7/1. Untuk menanam di  
jajir gajah di kawasan rumah saya  
bermula 24 November tahun lalu.  
"Bapa kepada empat anak itu berkata,  
dia memperoleh kira-kira dua kilogram  
padi per petak. Hasil tanaman padi  
tanaman itu agar ia dapat menampung  
keperluan makanan seisi keluarga.  
"Untuk memulakan ini saya tanam 40  
pupung padi, namun hanya 35 pupung  
menjadi kerana disarung sarung pa-  
rosak.  
"Hasil padi ini saya akan jadikan ba-  
han untuk menanam lebih banyak lagi sumber-  
makanan itu untuk musim kedua yang  
dijangka dimulakan pada Mei depan."  
Kata Alia, mereka yang mempunyai  
kawasan tanah yang sesuai boleh meng-  
usahakan tanaman padi bagi mengatasi  
masalah bekalan beras yang semakin  
menurung sejak akhir-akhir ini.  
Tanaman padi masak dua usah dan  
sebab padi bukt ini tahan usak. Saya  
bisa meroka yang ada masa dan tanah  
boleh usahakan tanaman ini," katanya.

Alia menajikikan hasil tanaman padi  
yang berijya dituai pada 4 April lalu.

Alia menajikikan hasil tanaman padi  
yang berijya dituai pada 4 April lalu.

**"Baik tanam padi huma"**

Alia menajikikan hasil tanaman padi yang berijya dituai pada 4 April lalu.

**"Baik tanam padi huma"**

Alia menajikikan hasil tanaman padi yang berijya dituai pada 4 April lalu.





## Penerbangan bawa jenazah Joseph Kurup dibatalkan

**KOTA KINABALU** - Penerbangan membawa jenazah mendiang pengasas Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup balik ke Sabah yang dijadual berlepas jam 9.15 pagi Khamis terpaksa dibatalkan susulan letusan Gunung Ruang di Indonesia.

Jenazah mendiang sepatunya dibawa melalui penerbangan komersial dari Kuala Lumpur ke

Kota Kinabalu untuk upacara penghormatan terakhir yang diadakan di Fook Lu Siew Funeral Parlour di Jalan Tuaran di sini.

Menurut kenyataan dikeluarkan pegawai media anak mendiang, Datuk Arthur Joseph Kurup, perkembangan semasa penerbangan membawa jenazah akan dimaklumkan semula nanti. "Saya akan maklum semula waktu penerbangan terkini sete-

lah mendapat maklum balas daripada pihak MAS.

"Maaf atas segala kesulitan," katanya pada Khamis.

Joseph, 80, yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Perpaduan dan Integrasi Nasional) dan bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur pada petang Rabu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2024	KOSMO	NEGARA	6



**AZULITA menandatangani plak sempena Majlis Perasmian Peladang Outlet Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Negeri di Ipoh semalam.**

## LPP mohon tambah kuota beras putih tempatan

**IPOH** – Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan memohon tambahan kuota beras putih tempatan (BPT) jika bekalan sedia ada yang diperuntukkan tidak mencukupi bagi menampung keperluan pengguna.

Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim berkata, ketika ini LPP menerima kuota 2,500 tan metrik BPT setiap bulan hingga hujung tahun ini.

“Langkah yang dibuat kerajaan ini (menambah kuota) merupakan satu tindakan yang baik. Alhamdulillah, beras yang kita pasarkan mendapat sambutan baik daripada rakyat.

“Sekiranya 2,500 tan metrik beras ini tidak cukup, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras tidak mempunyai masalah untuk menambah lagi kuota kerana perbincangan selalu dijalankan di peringkat kementerian,” katanya selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Peladang Outlet Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Negeri, di sini semalam.

Mengulas lanjut beliau berkata, kesemua beras itu dipasarkan kepada pengguna di semua Peladang Outlet (PO), kedai-kedai peladang dan Peladang Premium Outlet (PPO) di seluruh negara.

“Beras ini dijual di bawah harga lantai iaitu RM26. Jadi, orang ramai boleh mendapatkan beras berkenaan di mana-mana outlet kita di seluruh negara,” katanya.

Sementara itu dalam perkembangan sama, Azulita berkata, pembukaan PPO yang pertama di Perak membabitkan jualan produk-produk berkualiti usahawan PPN.

Katanya, selain di Perak, PPO turut terdapat di Putrajaya, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

“Setakat ini, kita ada 162 PO di seluruh negara. Di Perak, ini adalah salah sebuah PO di peringkat premium yang memasarkan produk berkualiti. Kita harap ia dapat diperluaskan di negeri lain,” katanya.



# LPP sedia tambah lagi kuota beras putih tempatan

**Bekalan akan dipasar di 162 outlet Lembaga Pertubuhan Peladang seluruh negara**

**Oleh Muhammad Zulayamini Sufian Suri**  
 bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bersedia untuk menambah lagi kuota beras putih tempatan (BPT) untuk dipasarkan di semua 162 outlet LPP seluruh negara, berbanding kuota 2,500 tan setiap bulan yang dite-

tapkan hingga hujung tahun ini. Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim, berkata sekiranya kuota 2,500 tan setiap bulan itu tidak mencukupi, pihaknya tiada masalah untuk meminta ia ditambah bagi pendedaran di 103 outlet LPP yang aktif buat masa ini, menerusi perbincangan pada peringkat Kementerian.

"LPP mempunyai kelebihan di mana outlet LPP boleh didapati di merata tempat, termasuk di luar bandar serta berhampiran Pertubuhan Peladang.

"Perbincangan juga sudah dibuat yang mana sekiranya kuota 2,500 tan terbabit tidak cukup, pihak kawal selia (padi) memang tiada masalah untuk meningkatkan atau menambah lagi kuota untuk LPP itu.

"Insya-Allah, juga bagi pihak FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan), mung-

kin saya boleh (berbincang)... sebab perbincangan selatunya dibuat pada peringkat kementerian," katanya kepada pemberita pada Majlis Perasmian Peladang Outlet Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Perak di Taman Anda, di sini, semalam.

## Outlet premium LPP

Peladang Outlet adalah penjenamaan semula nama asal, Pusat Pengumpulan Hasil Ladang Peladang (PPHLP).

Peladang Outlet dirasmikan itu dikategorikan sebagai outlet premium pertama LPP yang membolehkan premis agak besar serta menempatkan lebih banyak hasil jualan termasuk daging ternakan, selain menawarkan perkhidmatan seperti jualan dalam talian dan perkhidmatan mesin retort yang ditawarkan kepada pelanggan.



Azulita (kiri) selepas Majlis Perasmian Peladang Outlet PPN Perak di Taman Anda, Ipoh, semalam. (Foto L.Manimaran/BH)

Mengulas lanjut, Azulita berkata, LPP sudah mula memasarkan kuota 2,500 tan sebulan BPT yang diperoleh, di outlet LPP selain di kedai Pertubuhan Peladang seluruh negara pada harga RM26 bagi 10 kilogram (kg), iaitu harga di bawah harga lantai.

"Sebagai langkah intervensi, Kementerian Pertanian dan Keamanan Makanan (KPKM) melantik LPP bersama FAMA untuk memasarkan BPT yang

kita sedia ketahui agak sukar diperoleh dalam pasaran ketika ini.

"Dengan adanya intervensi ini, LPP diberikan kuota 2,500 tan sebulan yang sama dengan kuota diberikan kepada FAMA. Kita sudah memulakan jualan BPT di outlet LPP serta Kedai Peladang. Alhamdulillah, beras yang kita pasarkan ini mendapat sambutan begitu hebat dalam masyarakat. Ia satu tindakan baik oleh kerajaan," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Tanah 40 hektar di Lambor, projek baharu tanaman bawang



Mohd Zolkafly ketika sidang akhbar pada Khamis.

SUNGAI SIPUT - Kerajaan Perak akan melaksanakan projek baharu tanaman bawang melibatkan kawasan seluas 40 hektar di Lambor dekat Bota.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata,

pelaksanaan itu susulan kejayaan projek perintis tanaman bawang seluas satu hektar di Kampung Ladang Bikam, Sungai yang memberikan hasil pengeluaran 2.3 tan pada tuaian pertama, 3 April lalu.

Menurutnya, perkembangan positif ditunjukkan projek terbabit menarik minat Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk bekerjasama memperluaskan tanaman.

"Tanah itu memang milik SADC dan secara dasarnya telah dipersetujui bagi tujuan penanaman bawang dengan kerjasama MARDI.

"Pelaksanaannya dirancang pada tahun ini juga dengan menggunakan jenis benih sama iaitu varieti bawang merah BAW-1 dan BAW-2," katanya kepada pemberita sempena Rumah Terbuka Aidilfitri di Pusat Konvensyen Sungai Siput di sini pada Khamis.



Mohd Zolkafly (kiri) mengiringi isteri Menteri Besar Perak, Datin Seri Aezer Zubin menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir sempena Rumah Terbuka Aidilfitri di Pusat Konvensyen Sungai Siput pada Khamis.

Beliau berkata, kerajaan negeri gembira dan menyambut baik galakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperluaskan tanaman bawang

memandangkan negeri ini mempunyai banyak potensi lokasi strategik.



"Banyak lagi kawasan lain yang kita sedang kaji kesesuaian kerana untuk tanaman bawang ini memerlukan tanah yang berpasir," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lintang itu berkata, selain tujuan pasaran, tanaman bagi penghasilan benih juga dicadang dilaksanakan supaya dapat dibekalkan kepada pengusaha, komuniti dan petani menerusi projek-projek tanaman di bawah kerajaan negeri.

"Ini pelan jangka masa panjang kita untuk menggalakkan lebih ramai komuniti terlibat dalam tanaman bawang.

"Malah Menteri Besar sendiri (Datuk Seri Saarani Mohamad) ada cadangan untuk memperkenalkan hasil pengeluaran negeri ini sebagai bawang Perak," katanya.



Mohd Zolkafly (lima dari kanan) menyantuni pengunjung yang hadir ke Rumah Terbuka Aidilfitri di Pusat Konvensyen Sungai Siput pada Khamis.

Projek perintis di Ladang Bikam telah dilaksanakan secara tiga fasa dengan sasaran pengeluaran hasil kira-kira empat tan metrik.

Tuaian pertama menggunakan varieti bawang merah BAW-1 melibatkan kawasan fasa 1 seluas 0.6 hektar dan dijangka potensi hasil lebih besar menerusi tanaman fasa 2 dan 3 yang menggunakan varieti bawang merah BAW-2.



# Lebih banyak kajian diperlukan kawal ancaman padi angin



Professor Madya  
Monash University  
Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Song Beng Kah  
bhrencana@bh.com.my

**Ketika** rakyat mengeluh kerana kekurangan beras tempatan dan kenaikan harga beras import, kita melihat kemandirian beras putih tempatan hanya sekadar 62.6 peratus. Ini bermaksud pengeluaran beras negara kita jauh tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan tempatan.

Antara faktor utama menjelaskan pengeluaran beras tempatan ialah serangan rumput semasa proses penanaman padi. Rumput ini bersaing dengan padi untuk pelbagai sumber seperti baja, air dan cahaya matahari.

Sehingga kini, memahami mekanisme evolusi rumput dan bagaimana ia berkembang biak antara topik panas kajian penyelidikan di seluruh dunia.

Awal tahun ini, kumpulan penyelidikan dari Monash University, Malaysia melaporkan hasil kajian terbaharu bagaimana 'padi angin' bersaing dengan padi tanaman (*Oryza sativa*) di Malaysia dan Thailand.

Padi angin atau lebih dikenali sebagai *weedy rice* dalam kalangan saintis antarabangsa, adalah sejenis rumput berasal daripada padi tanaman 'dinakkan', ia tergolong dalam jenis sama dengan padi tanaman hingga menyebabkan pengawalan melalui racun rumput menemui kegagalan.

Akibat sifat padi angin meleraikan biji, serangan padi angin akan menyebabkan petani mengalami kerugian besar. Di Semenanjung, ia menjadi masalah utama sejak tiga dekad lalu, mengakibatkan kerugian hasil melebihi RM90 juta setiap musim tanaman.

Sementara itu, memandangkan usaha melalui cara tradisional gagal membantas masalah padi angin, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bersama BASF pernah

menghasilkan teknologi yang berjaya mengawal penyebaran padi angin untuk beberapa tahun di negara ini pada 2010.

Bagaimanapun, masalah padi angin kembali mendesak apabila timbulnya generasi padi angin rintang terhadap racun rumput dibekalkan. Ia berpunca daripada pesawah menggunakan racun rumput tidak terdaftar dan tidak mengikut saranan.

## Padi angin generasi baharu

Kegagalan teknologi itu menyebabkan kemunculan padi angin generasi baharu membawa bahan genetik daripada padi dihasilkan itu dan berupaya merintang racun. Faktor evolusi dan genetik, bagaimana padi angin merebak menyebabkan isu ini menarik perhatian saintis.

Sejak 10 tahun lalu, kumpulan penyelidikan kami bekerjasama dengan ahli biologi dari Universiti Washington in St Louis, Bersama saintis lain dari China dan Thailand, kajian tertumpu pada evolusi genom dalam padi angin dari Malaysia, Thailand dan negara lain.

Kajian itu mendapati kebanyakan padi angin menyerupai padi tanaman biasa, sejenis padi liar, *Oryza rufipogon*, tumbuh berhampiran sawah pa-

di, menyumbang kepada adaptasi dan penyebaran padi angin di sawah.

Gen liar menyumbang kepada ciri-ciri padi liar seperti biji berwarna hitam, berjanggut (awn) dan mudah terlerai, berjaya masuk ke dalam populasi padi tanaman atau padi angin melalui proses persilangan semula jadi, membolehkan padi angin adaptasi dengan keadaan sawah padi tanaman.

Ia kajian pertama menjelaskan ciri-ciri genomik padi angin menerima gen padi liar untuk menyesuaikan rumpai di sawah padi. Hakikatnya, spesies tumbuhan biasanya mempunyai halangan antara spesies liar dan tanaman ternakan. Namun, padi tanaman biasa dan padi liar mempunyai semipadan berbilang, memudahkan aliran gen liar ke dalam genom padi angin.

Terdapat berpuluh-puluh jenis padi angin berlainan di negara ini kebanyakannya sudah diporkan dalam rencana ilmiah kumpulan penyelidikan kami.

Di Malaysia dan Thailand, keadaan hibridasi antara padi liar dengan padi tanaman lebih serius berbanding negara lain. Padi angin ini mengandungi ciri-ciri liar berbeza berbanding padi angin di negara yang tidak wujudnya padi liar. Tambahan pula, persilangan antara padi angin dengan padi tanaman menjadikan masalah itu lebih rumit.

Mengambil kira kerugian ekonomi besar di seluruh dunia disebabkan rumpai ini, kajian mengenali genom dan gen berkaitan evolusi padi angin membawa manfaat untuk mengenal pasti 'senjata' rumpai itu dalam proses serangan di ladang. Lebih banyak maklumat genetik padi angin diperoleh, bertambah besar peluang saintis untuk merancang strategi pengawalan padi angin. Di samping memberi impak dalam bidang akademik evolusi rumpai, kami juga berhasrat kajian ini dapat membantu kerajaan dalam membentuk polisi dan dasar pengurusan kawalan padi angin pada masa akan datang.



Padi angin menyerupai padi tanaman biasa.  
(Foto hasnan)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2024	THE SUN	NATIONAL	4

## Sabah to revive padi, rice board to boost food security

**KOTA KINABALU:** The state government has agreed to revive the Sabah Padi and Rice Board as part of initiatives to boost food production and ensure food security in the state since Sabah imports about 70% of its rice needs.

Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor said the Cabinet will submit the recommendation to the head of state for the approval of the establishment of the Sabah Padi and Rice Board as stipulated in Section 3 of the 1981 Agriculture Produce Board Enactment.

"Sabah needs to boost its food self-sufficiency and we will be able to do it with the revival of the Sabah Padi and Rice Board," he said in a statement after the Chief Minister's Department post-Cabinet meeting at Menara Kinabalu on Wednesday.

The state Cabinet has also agreed to give special permission to investors operating in industrial parks in the state to set up power generation facilities for their own use to attract investors and sustain those already in operation affected by electricity issues.

The chief minister also said in a bid to ease the power demand in Sabah, the state Cabinet has decided to allow shophouses, buildings and residential premises to install solar power systems without seeking approval from Sabah Electricity Sdn Bhd.

On the Sabah My Second Home programme (SBH-MM2H), he said the state government has also approved the age limit of applicants to 30 years above and allowing participants of the programme to sell their property after five years on condition they must purchase a new home valued above RM600,000.

"Under the new policy, the appointment of the SBH-MM2H agents must be from Sabah companies," Hajiji added. – Bernama



# The art of tagal

This traditional concept helps to preserve natural resources in Sabah's rivers.

THE tagal system of conserving rivers and aquatic life practised in Sabah has been proven successful in providing a sustainable supply of freshwater resources for local communities.

The concept of tagal, which in this context is translated as "refrain" in Kadazandusun, has been practised by the native folks of Sabah for many generations, not only for the management of rivers and its freshwater inhabitants, but also for other natural resources such as the forest.

This traditional approach has also been adopted by the Sabah Fisheries Department which has formed smart partnerships with local communities to protect, restore, conserve and manage freshwater fishery resources.

The Sabah government and state Fisheries Department have been expanding the tagal system throughout the state since 2003. However, efforts to implement this system reportedly began in the 1980s.

## How it works

The management and monitoring of rivers placed under the tagal system are undertaken by a committee comprising the respective local community of the areas where the rivers are located.

Under the tagal system, each pre-assigned stretch of river is divided into three zones – red, green and yellow. Fishing is prohibited in the red zone, and is allowed only during specified periods in the yellow zone. The green zone, meanwhile, is an open fishing zone.

Bernama recently had the opportunity to participate in an activity known as *menuai tagal* or tagal harvesting in several villages in Kiulu, located 67km north of the

state capital Kota Kinabalu, where the community-based fisheries management system is practised.

Mostly populated by the Dusun ethnic group, the villages concerned were Kampung Ranap, Kitapol, Pukak, Lokub, Sukang, Linga, Tulung, Mantob, Dumpiring, Mangkaladom, Pinahawon, Pinagon and Tiku.

Their harvests of fish such as barob, pelian, sarawi and river lampam or gayomato vary in quantity, with some of the rivers providing bountiful catches exceeding one tonne and others producing less satisfactory yields.

The tagal harvesting activity, which takes place in stretches of rivers categorised as yellow zones, is carried out once a year – or sometimes, once in two years – with the dates determined by the village committee.

Ensuring the success of the tagal system is not an easy task. Some of the villagers said that in nurturing the symbiotic relationship between humans and rivers, local communities must collaborate closely with the authorities, with the management and conservation of the rivers carried out systematically to ensure bountiful catches during the harvesting seasons.

## Monitoring is crucial

According to some villagers, one factor that determines the yield of a river and the effectiveness of the tagal system is the way the river resources are managed and cared for by the local community.

Edjilon Tongiak, chairman of the Sungai Pisapakan Dumpiring Tagal committee, said that although their river's yellow zone was harvested about nine months ago, this year's harvest was even more satisfactory.



(Left) Ensuring the success of the tagal system is not an easy task as it needs the cooperation of several parties, including villagers and authorities. – Bernama

Under the tagal system, each pre-assigned stretch of river is divided into three zones. – Dewan Bahasa & Pustaka

He said within two hours of fishing, their haul came to over 600kg and each member of the village tagal committee took home 14kg of fish.

"Our bountiful harvest would not have been possible without the cooperation of all the committee members as well as the villagers. We all went home happy that day," he said.

Edjilon said besides providing food for the fish, the tagal committee members also regularly monitor the river to prevent irresponsible people from fishing or violating the tagal rules in the prohibited zones.

"During the day and night, our members take turns to monitor the areas concerned. This is crucial as we have heard of fish stocks depleting in rivers elsewhere. Those rivers are also being managed under the tagal system but intruders have managed to go in there to fish (in the prohibited areas). This is why we have to step up monitoring to prevent such incidents from happening in our river," he added.

The tagal system comes with its own rules and regulations and violators are imposed a fine of RM5,000 or ordered to give a buffalo (a practice called *sogit*, in which a person pays with a buffalo or other livestock in lieu of cash) if found guilty of committing an offence by the district native court.

Longkumin Kimus, 60, chairman of the Tulu Sala Pinahawon Tagal committee, said currently, intruders caught stealing fish from the prohibited zones are let off with a warning.

"Perhaps, the RM5,000 fine should be imposed on them. I'm sure if this is done, thieves will think twice (before committing an offence)," he said.



Kampung Pinagon Tagal committee chairman Martin Lotupas, 59, who is also the village headman, said the tagal system comes with rules and regulations but "they are not being applied".

"Instead, we choose to impose less harsh punishment such as ordering the culprits to pay *sogit* with a chicken," he said.

## Tourism product

Kampung Mangkaladom Tagal committee chairman Lodimun Balantis, 65, said it is time for villages with rivers managed under the tagal system to install closed-circuit television (CCTV) cameras in strategic areas to facilitate monitoring and prosecuting trespassers.

"If we have CCTV, we can monitor the rivers from our homes through our mobile phones," he said, adding his committee will discuss this matter soon.

"For a long time, forest reserves and farms have been using CCTV cameras for monitoring purposes and they have proven to be effective," Lodimun added.

Meanwhile, Sungai Gunaton Tagal committee chairman Unus Limun, 49, said the tagal system can also be turned into a rural tourism product to attract more

tourists to Sabah.

He said the tagal system practised by various villages in Sabah, particularly those in the Kiulu area here, has shown its effectiveness in conserving their river ecosystems and sustaining their freshwater fish stocks.

In fact, he added, some villages where the tagal system is practised, like Kampung Luanti in Ranau, are already drawing tourists from other states and abroad.

"Tourists are coming to see how the (rivers and) fish resources are being sustained as they don't have such a system in their own areas," he said, adding the villages in Kiulu should look to Kampung Luanti as a model for advancing their tagal system as a tourism product as it would bring economic benefits to the villagers.

Kadie Calvin, 45, a member of the Kampung Ranap Tagal committee, said rivers managed under the tagal system also happen to be the favourite fishing spots of anglers from not only Sabah but also the peninsula.

"Usually the anglers would contact the chairman of the tagal committee first before coming and to be allowed to fish there, they would have to pay a fee which is fixed by the committee concerned," he added. – Bernama



# Lembaga Padi dan Beras Sabah dihidupkan semula

Inisiatif bagi meningkatkan pengeluaran, keterjaminan makanan negeri

Oleh Izwan Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Lembaga Padi dan Beras Sabah yang sudah lama dimansuhkan akan dihidupkan semula dalam usaha kerajaan negeri meningkatkan tahap sara diri beras.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor, berkata usaha menghidupkan semula agensi itu dipersetujui Kabinet negeri sebagai sebahagian inisiatif meningkatkan pengeluaran makanan dan keterjaminan makanan negeri.

Beliau berkata, langkah itu penting berikutan Sabah ketika ini terpaksa mengimport kira-kira 70 peratus daripada keperluan beras rakyat negeri ini.

"Sabah perlu meningkatkan tahap sara diri makanan dan kita dapat melakukannya dengan menghidupkan semula Lembaga Padi dan Beras Sabah.

"Kabinet negeri akan mengemukakan cadangan kepada Yang di-Pertua Negeri Sabah untuk kelulusan bagi mewujudkan semula Lembaga Padi dan Beras Sabah seperti termaktub dalam Seksyen 3, Enakmen Lembaga Hasil Pertanian 1981," katanya menerusi kenyataan selepas mesyuarat pasca Kabinet bagi Jabatan Ketua Menteri Sabah, di Menara

Kinabalu, di sini, kelmarin. Berdasarkan laporan sebelum ini, tahap sara diri pengeluaran padi dan beras di Sabah hanya mencapai 23 peratus menyebabkan sebahagian besar keperluan beras negeri ini bergantung kepada bekalan import.

## Pasang fasiliti jana kuasa

Sementara itu, Hajiji berkata, Kabinet negeri turut bersetuju untuk memberikan kebenaran khas kepada pelabur yang beroperasi di taman perindustrian di negeri ini bagi memasang fasiliti jana

kuasa elektrik untuk kegunaan mereka.

"Langkah ini penting bagi menarik pelabur dan mengekalkan mereka yang sudah beroperasi agar tidak terjejas dengan isu elektrik," katanya.

Katanya, Kabinet negeri juga memutuskan untuk membenarkan rumah kedai, bangunan dan premis kediaman memasang sistem tenaga solar tanpa mendaftarkan kebenaran daripada Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB).

Pendekatan itu, katanya, dilaksanakan dalam usaha untuk mengurangkan beban permintaan tenaga yang berlaku di Sabah pada masa ini.

Mengenai Program Sabah Malaysia Rumah Kedua Ku (SBH-MM2H), katanya, Kabinet negeri meluluskan had umur permohonan kepada 30 tahun ke atas dan membenarkan pesertanya menjual hartanah mereka selepas lima tahun dengan syarat harga hartanah yang dibeli tidak kurang RM600,000.

Hajiji berkata, di bawah dasar SBH-MM2H, mesti daripada syarikat tempatan Sabah.

**Kabinet negeri akan mengemukakan cadangan kepada Yang di-Pertua Negeri Sabah untuk kelulusan bagi mewujudkan semula Lembaga Padi dan Beras Sabah seperti termaktub dalam Seksyen 3, Enakmen Lembaga Hasil Pertanian 1981**

Hajiji Noor,  
Ketua Menteri Sabah





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2024	SINAR HARIAN	CETUSAN	16

## Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

**MENTERI** Besar Kedah tiba-tiba suruh orang ramai tanam padi huma berbanding ubi kayu kalau nak tambah bekalan makanan utama negara.

Katanya, padi huma lebih baik kerana lebih sedap, ubi kayu pula boleh buat perut kembung sebab angin. Makan nasi padi huma juga lebih kenyang.

Selain lirik lagu popular *Hati Kama nyanyian Siti Nurhaliza* yang ada menyebut "padi huma", setahu Merak Jalanan ia tidaklah sepopular beras basmati nasi beriani.

Cuma ikut kata MB Kedah, permintaan

padi huma sekarang luar biasa. Harganya boleh cecah antara RM40 dan RM45 sekilogram, ataupun RM450 bagi 10kg, lebih mahal daripada beras sushi Jepun.

Ada juga orang bertanya untuk siapa padi huma ini. Beras import RM4 sekilogram pun sudah jadi isu, ini pula harga beratus ringgit. Kalau di tempat Merak Jalanan, RM110 sudah boleh dapat 2kg ubi kayu. Namun menurut Guinness World Record, beras paling mahal di dunia bukan padi huma tetapi beras Jepun jenis Kinmemai Premium berharga

AS\$109 (RM520) sekilogram.

MB Kedah bandingkan padi huma dengan ubi kayu itu mungkin untuk menyindir Tan Sri Johari Abdul Speaker Dewan Rakyat dari Kedah itu sebelum ini cadangkan rakyat makan ubi kayu sebagai ganti nasi kerana stok beras tempatan susah nak dapat sekarang. Ubi kayu juga tinggi karbohidrat macam nasi.

MB dan Johari dua-dua dari Kedah. Sejak dulu lagi banyak idea pemimpin-pemimpin dari Kedah untuk bantu tingkatkan pendapatan petani.

## Nak promosi ubi kayu atau padi huma, buatlah sampai berjaya

Pada 1990-an dulu, mantan Menteri Pertanian dari Kedah, Tan Sri Sanusi Junid terkenal dengan kempen minum air kelapa mudanya. Sekarang, kelapa muda banyak dijual di restoran-restoran besar dan harganya pun mahal.

Tidak kira apa dan idea siapa, kita perlu tambah pengeluaran makanan negara. Tak perlulah perlekeh idea orang walaupun nampak kelakar.

Makan dan tanamlah apa saja makanan alternatif, asalkan jangan sembang saja. Buatlah sampai berjaya.



# Program keusahawanan lonjak bisnis ternakan unggas

## 2030 PERAK SEJAHTERA

**BAGAN DATUK** - Kemahiran menternak serta kebolehan menguruskan perniagaan yang baik menjadi antara faktor seorang usahawan ternakan unggas di sini terus melakar prestasi cemerlang dalam bidang tersebut.

Menurut Pengasas Penternakan Sumber Unggas Sdn. Bhd., Mohd. Anas Mohd. Asmawi, kemahiran tersebut bukanlah sesuatu yang wujud secara semula jadi, namun perlu diasah dari semasa ke semasa oleh seorang peniaga.

Katanya, dia bersyukur kerana di negeri ini, kerajaan negeri menyediakan banyak peluang kepada golongan sepertinya untuk meningkatkan kemahiran diri menerusi pelaksanaan program-program berkaitan bidang keusahawanan.

"Saya sendiri pernah mengikuti kursus berkaitan keusahawanan serta pengurusan per-



**MOHD. ANAS** mengusahakan ternakan unggas di ladangnya di Kampung Parit 19, Hutan Melintang, Bagan Datuk semalam.

niagaan di bawah Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) sejak 2019.

"Memang tak dapat dimafikan ia banyak membantu saya serta rakan-rakan usahawan yang lain

berkata, kemahiran yang diting-

katkan itu sekali gus membolehkan perniagaannya yang diasaskan sejak 2016 untuk terus berkembang dan memberi peluang kepadanya untuk membuka beberapa cawangan di negeri ini seperti di Hutan Melintang dan Sungkai.

Dia yang pernah berkhidmat sebagai kakitangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) memberitahu, syarikatnya membekalkan ternakan seperti ayam kampung Arab dan burung puyuh kepada pengguna.

"Sebagai contoh, permintaan terhadap puyuh memang tinggi ketika ini dan ketika waktu puncak, saya pernah membekalkan kira-kira 25,000 ekor anak burung itu kepada pelanggan," katanya.

Menurutnya, kerajaan Perak juga memberi sokongan kepada golongan usahawan sepertinya, sebagai contoh membantu mempromosikan perniagaannya melalui dia menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia 2022 (MAHA 2022) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

"Di sana mereka membantu perniagaan kami dengan meng-

gantung poster di Pavillion Perak Bahkan, Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad juga mesra dengan golongan usahawan negeri dan kami sendiri pernah dikunjungi beliau pada November 2021 sebagai tanda sokongannya.

"Saya percaya apa yang dilakukan kerajaan negeri adalah sejajar dengan pelan Perak Sejahtera 2030 terutamanya dalam aspek sekuriti makanan kerana pembekal-pembekal ternakan seperti kami berupaya memenuhi permintaan pengguna di Perak," katanya.

Tambahnya, kemahiran yang dimilikinya turut digunakan bagai membantu golongan usahawan lain kerana syarikatnya turut menawarkan kursus-kursus berkaitan, dengan kandungannya diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri.

"Saya serta pakar-pakar lain dalam industri akan berkongsi ilmu berkaitan bidang ternakan seperti ayam serta lembu kepada usahawan-usahawan lain.

"Ia sekali gus memastikan perniagaan mereka terus berkembang sekali gus menjamin sekuriti makanan di negeri ini," katanya.



# Anggur hidup subur dalam cuaca panas

Oleh AIN SAFRE BIDIN  
utusannews@mediamula.com.my

**PASIR SALAK:** Berikutan kejayaan tanaman anggur di Lekir, Manjung, Ladang Anggur Saloma menambah keluasan tanaman tersebut di Parit Haji Saad Kampung Sungai Jelewi Ulu Dedap dekat sini seluas 1.6 hektar.

Pengusaha tanaman anggur, Shuhaimi Ishak, 60, berkata, projek tersebut dimulakan sejak Jun lalu dan dijangka mengeluarkan buah pada Oktober ini.

Shuhaimi yang merupakan bekas jurujukur bahan berkata, apa yang diusahakan bersama isterinya, Siti Saloma Saad dan dua anak mereka, membuktikan pokok anggur juga boleh ditana-

man di kawasan bercuaca panas di negara ini.

Menggunakan pengalamannya mengenai tanaman di negara beriklim sejuk ketika bekerja di luar negara, Shuhaimi kini menanam 432 pokok anggur pelbagai jenis yang hidup subur.

Katanya, dia menyesuaikan kaedah tanaman anggur mengikut cuaca panas di negara ini dengan membina batas yang tinggi selain memastikan kadar siraman air yang mencukupi untuk pokok dapat membesar dengan baik.

"Kami juga cipta sendiri rumah lindungan hujan. Sebenarnya pokok anggur lebih elok cuaca yang panas dan tidak dilindungi apa-apa seperti bayang-bayang

daun pokok kelapa sawit, lebih elok di tempat lapang.

"Buat masa ini pokok anggur yang saya tanam pada fasa penghujung untuk berbuah yang dijangka pada Oktober ini.

"Saya menjangkakan hasil yang baik bagi membuktikan pokok anggur juga boleh ditanam di kawasan cuaca panas," katanya.

Menurutnya, pokok anggur sebenarnya satu tanaman yang lasak dan mampu hidup lama serta perlukan cuaca panas.

Katanya, dia menjangkakan pokok anggur yang ditanam mampu mengeluarkan hasil lebih banyak kerana boleh berbuah dua kali atau lebih dalam masa setahun.



SHUHAIMI Ishak dan isterinya, Siti Saloma Saad memeriksa daun anggur di ladang mereka di Ulu Dedap dekat Pasir Salak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN



DUA kakitanga Rimba Razia melakukan proses merapikan bulu seekor alpaca berikutan cuaca panas di Hulu Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

## Cuaca panas: Kos pengurusan Rimba Razia meningkat

**HULU TERENGGANU:** Lokasi pelancongan, Rimba Razia yang berkonsepkan 'petting zoo' di Kampung Dusun di sini terpaksa menanggung kenaikan kos pengurusan disebabkan fenomena cuaca panas dan kering yang melanda negara ketika ini.

Ketua Eksekutif Operasinya, Mohd. Azraf Zakaria berkata, pengurusan terpaksa menambah peruntukan 30 peratus daripada kos pengurusan bulanan untuk memastikan semua haiwan dalam zoo tersebut berada dalam keadaan yang selesa.

Menurutnya, antara tindakan diambil menambah peralatan baharu seperti rangkaian penyembur air automatik dan beberapa kipas industri yang sesuai untuk kegunaan di zoo.

"Haiwan-haiwan yang ada juga perlu kerap dimandikan

agar tidak terlalu panas kerana berisiko untuk kesihatannya dan kita sentiasa mendengar panduan daripada doktor veterinar," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.

Sejak dibuka pada Julai lalu, terdapat 415 ekor haiwan daripada 110 jenis spesies yang kebanyakannya dibeli dari luar negara seperti di Eropah, Jepun dan Thailand untuk dijadikan lokasi pelancongan baharu di Hulu Terengganu.

Beliau berkata, spesies haiwan yang paling terjejas ialah labi dan Angora Goat dari Turkiye kerana memerlukan penjagaan khas yang perlu diselenggarakan dengan suhu yang sesuai.

Katanya, rutin penjagaan dan pengurusan semakin bertambah ketika ini kerana mereka tidak mahu haiwan-haiwan tersebut terjejas.

## Peserta OKU peka tanam rosul tingkat pendapatan

**KUALA TERENGGANU:** Seramai 100 orang kurang upaya (OKU) kategori peka dapat meningkatkan pendapatan mereka dengan mengusahakan Projek Roselpreneur di Batu Buruk di sini sejak September tahun lalu.

Peserta OKU itu melaksanakan projek tanaman rosul yang diperkenalkan sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di kawasan seluas kira-kira dua hektar.

Ketua Projek, Prof. Madya Dr. Wan Zaliha Wan Sembok berkata, projek tersebut dapat membantu golongan OKU peka melalui ilmu dan teknologi dalam bidang pertanian.

Menurutnya, penanaman dan penghasilan produk berasaskan rosul adalah inisiatif ekonomi terbaik yang bertepatan dengan kelebihan yang dimiliki golongan itu.

"Kita perkenalkan projek tanaman rosul melalui program pemindahan ilmu serta mengadakan siri latihan melalui kelas dan juga amali di lapangan.

"Projek Roselpreneur ini melibatkan 100 orang peserta OKU peka termasuk isi rumah dan sekitarnya projek ini mencapai sasaran yang digariskan, kita sedia kembangkan kepada semua ahli OKU peka yang berdaftar di Terengganu," katanya.

Latihan yang diberi bermula dengan penyediaan tapak, semaian, penjagaan tanaman, tuai dan penghasilan produk hiliran seperti jus, jem dan aiskrim rosul.

Projek Roselpreneur itu adalah di bawah tajaan dana Yayasan Inovasi Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang dijangka dapat memberi pulangan kira-kira RM1,000 sebulan.

Projek itu mula diperkenalkan kepada ahli persatuan OKU peka pada September 2023 dan pemilihan padanan peserta berdasarkan kemampuan mereka kerana mudah dilaksanakan.



POKOK rosul yang ditanam di tapak Projek Roselpreneur di Batu Buruk, Kuala Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI